


Gelombang kedua kebangkitan Francis Cheong



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHRUDDIN
MOHD ARUS


UB 11.2.2 018 82

FRANCIS Cheong adalah seorang pelukis berasal dari Sabah yang lahir di Sandakan pada tahun 1948. Beliau yang pada mulanya telah mendapat pendidikan formal seni lukis di sekolah menengah di Sandakan dan seterusnya telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Curtin, Sydney Australia dalam jurusan seni halus pada tahun 1969 hingga 1973.

Sekembalinya dari belajar dengan ijazah seni lukis dan seni reka beliau telah bertugas sebagai pensyarah seni lukis di tiga buah institut pendidikan guru atau maktab perguruan yang terkenal di negeri Sabah iaitu Maktab Perguruan Kent, Maktab Perguruan Gaya Kota Kinabalu dan Maktab Sabah.

Minat melukis sudah sedia tertanam dalam diri beliau semasa di bangku sekolah lagi. Semasa menuntut di Australia, beliau banyak menjelajah di negeri-negeri di benua yang terbesar di Selatan Hemisphere itu. Di sana jugalah beliau diperkenalkan kepada karya pelukis kulit putih Australia dan pelukis etnik seperti Russel Drysdale, Sydney Nolan dan Pelukis kaum asli Albert Namatjira.

Russel Drysdale seorang pelukis berbangsa Inggeris yang telah mempopularkan landskap kedaerahan dan keheningan alam yang banyak mempengaruhi gaya serta teknik lukisan yang



FRANCIS Cheong sedang membuat tembikar.

menjadi gaya Francis dalam lukisan catan akhir-akhir ini.

Sedangkan karya Albert Namatjira pula mempengaruhi Francis dalam menekankan kepentingan budaya etnik yang memperkayakan sesebuah karya seni apabila digabungkan dalam karya. Dari Sydney Nolan pula, Francis Cheong mengenali kepentingan konsepsi abstrak yang menyerlahkan karyanya beliau.

Semasa belajar di sana, beliau juga telah mengambil kursus tambahan dalam seni tembikar, seni perabot dan hiasan dalaman yang mana telah menjadi kepakaran beliau selain dari catan air, akrilik dan catan minyak.

Beliau juga sangat meminati bidang fotografi, oleh sebab itu setiap masa yang terluang beliau keluar ke daerah pedalaman Sabah

mengambil gambar bangunan lama yang masih tegak terutama dibina sebelum dan selepas perang dunia kedua, umpamanya di Membakut, Bongawan, Manggatal dan sebagainya.

Menurut beliau, bangunan lama ini tidak akan bertahan lama kerana lambat laun ia akan lenyap memberi ruang kepada asakan pembangunan yang dianggapnya mengganas ketika ini.

Semasa melawat ke rumah beliau di Taman Sentosa, Luyang Kota Kinabalu, penulis dapat melihat karya beliau terdahulu dan yang terkini yang banyak dipamerkan di ruang tamu rumahnya.

Walaupun dalam keadaan kesihatan yang tak mengizinkan, semangat beliau sangat kuat untuk menghasilkan karya setiap hari tanpa jemu. Bukan

sahaja karya berbentuk lukisan bahkan juga seni seramik serta seni hiasan dalaman.

Beliau juga sangat bangga dengan teman semasa bertugas sebagai pensyarah sebelum beliau bersara umpamanya mengimbau kembali persahabatannya bersama Allahyarham Dato Muhamad Yaman, Allahyarham Awang Junaidi, pelukis Khadijah, Martin Hew dan juga Professor Ismail Ibrahim yang beliau sangat akrab suatu ketika dahulu.

Inspirasi serta pergaulan beliau dengan tokoh seni yang terdapat di Sabah telah membawa berbagai-bagi genre seni lukis dari seni tradisional hingga seni moden.

Beliau juga sangat berminat membuat reka bentuk perabot. Oleh sebab itu, selepas beliau bersara dari perkhidmatan kerajaan sebagai pensyarah beliau telah membuka perniagaan rekaan dalaman di Kota Kinabalu yang juga mengambil tempahan untuk membuat perabot dan juga rekaan kaca 'stained-glass'.

Bakat serta pendidikan yang diterima semasa beliau belajar di Australia mula menjelma kembali dalam minat beliau sejak bersara. Merasakan banyak masa untuk berkarya maka beliau sangat berminat menghasilkan karya seramik dan juga tembikar.

Beliau berpendapat melalui kajian yang dilakukan, tanah liat di Sabah ini sangat kaya dan mempunyai berbagai jalinan serta warna, kebanyakannya pasu yang dicipta adalah dari tanah di beberapa daerah di negeri Sabah dan diproses sendiri. Dari tanah yang kotor kepada bahan yang bersih sehingga menjadi bahan untuk diolah ke dalam bentuk sebuah pasu yang menarik.

Oleh sebab itu ketika melawat Francis di rumahnya, penulis mendapati sebuah studio kecil seramik terdapat di hadapan rumah beliau dengan pasu yang belum dan sudah dibakar dengan kemasnya. Keunikannya biasanya dihiasi dengan corak serta ragam hias etnik tempatan.

Persahabatan beliau dengan pembuat seramik dan pengarca tempatan Philip Biji telah membawa idea

yang mempunyai kesamaan tetapi agak berbeza cara pengolahannya. Kebanyakan produk seramik beliau terutamanya pasu tidak menggunakan sepuh (*glaze*) yang banyak, hanya terdapat bahagian ragam hias yang menyerupai kalong di leher setiap pasu tersebut.

Semasa mudanya, beliau biasanya membuat pembakaran di tanur atau kilang sendiri kerana beliau mempunyai dua buah tanur pembakaran yang sentiasa berkhidmat dalam pembuatan pasu jenis *Raku* dan pasu pembakaran jenis *Bisque*.

Sebagai seorang yang mempunyai sifat suka bersendirian, maka beliau suka tinggal di rumah sahaja dan tidak suka menjelajah ke luar negara namun karya beliau sangat dipengaruhi oleh teknik campuran catan air timur dan juga pelukis barat umpamanya pelukis catan air di England dan Australia.

Terdapat ratusan koleksi karya catan air yang berbagai-bagi hal benda dalam simpanan beliau dan setiap hari koleksi karyanya sentiasa bertambah. Oleh sebab itu, beliau telah ditawarkan oleh pihak Balai Seni Lukis Sabah untuk mengadakan pameran retrospektif tidak lama lagi.


Walaupun dalam keadaan yang uzur ketika ini, Francis Cheong tidak lupa berkarya dan pengisian masa beliau berkarya menjadi terapi kesihatannya. Rombongan kami disambut dengan senyunus serta hati terbuka oleh Francis dan isterinya.

Bercerita dengan pengalaman yang dilaluinya sebagai seorang pendidik dan juga seorang pelukis, Francis merasakan kepuasan yang didapati sebagai seorang pelukis adalah apabila dapat menghasilkan karya yang diinginkan dan dapat dihayati dengan selesa oleh khayal.

Di samping itu, apabila mendapati bekas pelajarannya berjaya dalam bidang seni yang dipilih itu juga adalah kejayaan beliau. Beliau boleh dikategorikan sebagai pelukis aliran *Magical Realisme* yang dipelopori oleh Andrew Whyte di mana jika diteliti kebanyakan karya beliau mengangkat hal benda tempatan serta memberikan satu tekanan dan menimbulkan keagungan



LUKISAN Pekan Bongawan.



TAJUK karya 'Pemberian'. Catan Minyak.

kepada setiap hal benda sama ada alam benda, landskap, portrait dan sebagainya.

Sudah menjadi matlamat pelukis *Magical Realisme* yang ditekankan adalah alam di sekeliling beliau sebagai subjek yang perlu diutarakan dan ciptaan Tuhan walau sekecil manapun tetap mempunyai kepentingan dalam hidup manusia.

Oleh sebab itu, kebanyakan karya beliau membincangkan kepada keindahan ciptaan Tuhan yang lupa dinikmati oleh khayal. Beliau banyak melukis karya berunsur agama terutamanya cerita dari kitab Injil. Salah satu karya yang sangat disukai beliau adalah karya alam benda bertajuk 'Pemberian', imej sepasang ikan dan lima ketul roti yang diletakkan dalam sebuah bakul jerami.

Karya ini dipadankan dari cerita bagaimana Nabi Isa menjamu pengikutnya apabila pengikutnya mendapati saat kebuluran akan berlaku apabila makanan sudah tidak ada lagi dalam simpanan mereka sedangkan mereka diburu oleh tentera Rom.

Dengan mukjizat yang ada pada Nabi Isa, lima ketul roti dan dua ekor ikan tersebut telah dibahagikan di kalangan pengikut baginda dan dengan kuasa Tuhan roti dan ikan di dalam bakul tersebut telah menjadi banyak dengan berganda dan seterusnya dapat memberi makan kepada pengikut baginda.

Karya alam benda 'The Gift' tersebut dilukis dalam susunan *symmetrical* bermakna ikan dan roti disusun dalam gubahan yang


sama imbangannya. Dari segi jalinan ikan yang licin dilukis berlawanan dengan jalinan roti yang kasar dan ini membawa satu susunan yang mengutarkan kesan dinamik di mata khayal.

Warna kekuningan emas yang terdapat pada roti membawa erti keemasan yang menyinari suasana dalam kegelapan sedangkan ikan adalah makhluk hidup yang memerlukan pergerakan dan usaha untuk melepaskan diri dalam masa ketegangan.

Karya yang kaya dengan pengaruh dakwah dan sejarah ini dihasilkan oleh Francis melalui interpretasi beliau apabila mendalamai ajaran dari Kitab Injil.

Jelas sekali bahawa kebangkitan kedua Francis Cheong ini dilihat sangat prolifik dan bertenaga dari kemunculannya dalam senario seni lukis tempatan. Dalam kebangkitan kali kedua ini, dilihat beliau lebih prihatin terhadap kehidupan yang dilaluinya dalam usia yang mendekati senja ilham berkarya semakin cerah, karya bertambah menyerlah, teladan yang ditunjukkan beliau sebagai pelukis perintis menekankan bahawa umur bukan penghalang untuk melipatgandakan hasil ciptaan dan berkarya adalah satu tuntutan kehidupan seorang seniman visual.

PEMANDANGAN di Studio Seramik Francis Cheong.



PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).